

>>Fasa 3 yang sepatutnya terdiri daripada 3 blok flat kos sederhana rendah hanya siap 10 peratus

METRO AHAD

RUMAH KU TAK SIAP-SIAP

■ 600 pembeli terbeban masih terikat bayaran pinjaman hampir 15 tahun

Faliq Lajim
hmetroshahalam@hmetro.com.my

Shah Alam

"Hampir 15 tahun saya membayar pinjaman rumah namun ia masih tidak disiapkan," kata Zanuri Hussin, 45, pembeli rumah kos rendah Pangsapuri Bukit Rimau Indah Fasa 4, di sini.

Masalah yang berlarutan sejak 2002 itu membebankan 600 pembeli pangsapuri Fasa 3 dan 4 berkenaan kerana ia masih terbengkalai sehingga kini.

Malah, mereka mendakwa kawasan terbiar itu turut dijadikan sebagai 'port' penagih dadah.

Zanuri berkata, dia menunggu sejak sekian lama untuk memiliki rumah pertamanya itu.

"Sudah puas menunggu dan saya perlu membayar rumah sewa dan rumah pangsapuri berkenaan.

"Namun, entah bila saya dapat tinggal di rumah itu dan tidak mahu terus menyewa sepanjang hidup," katanya ketika ditemui Metro Ahad bersama 15 pembeli lain di sini, semalam.

Tinjauan mendapati tiga daripada empat blok di Fasa 4 yang menempatkan unit kos rendah itu sudah hampir siap, manakala blok terakhir di peringkat cerucuk akibat terbengkalai.

Selain itu, Fasa 3 sepatutnya terdiri daripada tiga blok flat kos sederhana rendah hanya siap 10 peratus.


Bagi pembeli lain, K Anakilli, 33, dia terkesan apabila rumahnya masih di peringkat cerucuk.

"Saya terpaksa membayar ansuran bulanan rumah RM350 selain rumah sewa yang didiami ketika ini.

"Untuk apa membayar rumah yang belum nampak hasilnya? Malah, ramai pembeli lain turut disenarai hitam dan diisytihar muljis hanya kerana tidak membayar rumah berkenaan," katanya.



PENGERUSI Bertindak Pangsapuri Rimau Indah Zairi Moh menunjukkan tilam yang digunakan penagih dadah di Pangsapuri Bukit Rimau.



KEADAAN rumah yang terbengkalai di Pangsapuri Bukit Rimau.



KAMERA litar tertutup menunjukkan jothiman diculik di kawasan tempat kerjanya di Kampung Jawa, Klang.

Wanita diculik sudah ditemui

Shah Alam: Ibu anak dua yang diculik di tempat kerjanya di Kampung Jawa, Klang kelmarin ditemui selamat namun cedera pada beberapa anggota badan di kawasan kilang di Seksyen 36, di sini.

S Jothimani, 49, yang juga penyelia kilang ditemui orang awam selepas terdengar jeritan meminta bantuan, kira-kira jam 10.30 malam.

Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisyoner Shafien Mamat berkata, siasatan awal mendapati mangsa ditinggalkan bersendirian di kawasan kilang itu.

"Orang ramai yang mendengar jeritan mangsa menghantarnya ke sebuah hospital swasta di Klang bagi mendapatkan rawatan," katanya di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 9.30 pagi itu, jothimani menerima

panggilan telefon memintanya keluar untuk mengambil barang yang dibeli secara atas talian.

Namun, ketika mahu mengambil barangan itu, dia dilarikan tiga lelaki menaiki sebuah kereta Mercedes.

Menurut Shafien, mangsa mendakwa tidak mengenali suspek berikutan kedua-dua matanya ditutup selain turut dipukul.

"Barangan miliknya se-

perti telefon bimbit turut dilarikan dan polis sedang mempergiatkan usaha mengesan suspek," katanya yang mengklasifikasikan kes mengikut Seksyen 365 Kanun Keseksaan kerana menculik.

Sementara itu, adik mangsa, S Sathya, 33, mengesahkan perkara berkenaan dan berkata barang kemas kakaknya turut dilarikan penjenayah.